

Bahagian A
[30 markah]
Soalan ini mesti dijawab

*Bahan grafik di bawah menunjukkan amalan-amalan kebersihan di sekolah.
Bina satu rencana mencadangkan usaha-usaha menjaga amalan kebersihan di kawasan sekolah.
Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*

AMALAN KEBERSIHAN DI SEKOLAH



Didik Cuci Tandas Sekolah, Tanam Nilai Kebersihan

Kuala Lumpur, 3 Jun 2023 - Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan bahawa murid perlu didedahkan dengan amalan kebersihan yang baik di sekolah seperti membasuh tandas.

Sehubungan dengan itu, murid-murid seharusnya dilibatkan dalam aktiviti menjaga kebersihan tandas, seperti diberi tugas secara berkala selain kempen kebersihan oleh pihak sekolah secara berterusan dengan kerjasama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dalam memastikan tugas itu bukanlah hangat-hangat tahi ayam. Remaja akan belajar saling menghargai, mendidik nilai murni seperti menghormati semua orang termasuk pekerja kebersihan

Sumber : sinarharian.com.my

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm
Bahasa Melayu K1 Trial SMKJ KL 2023

1103/1 PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Bahagian B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1.

Semangat kejiranan merupakan unsur penting dalam kehidupan bermasyarakat. Secara ringkas, jiran merupakan orang yang tinggal berhampiran dengan rumah kita. Namun begitu, realiti masyarakat hari ini mengambil mudah berhubung dengan semangat kejiranan ini. Punca utama yang sering dijadikan sebagai alasan ialah tuntutan hidup yang mencabar di kawasan bandar ekoran kos hidup yang tinggi. Selain, faktor teknologi maklumat dan komunikasi turut menyebabkan masyarakat hari ini kurang menghiraukan semangat kejiranan.

Sumber : *Dewan Siswa*, Bil 3, 2016

Berdasarkan petikan di atas, huraikan faktor-faktor berlakunya permasalahan tersebut.

2.

Kita sering terbaca atau terdengar kepentingan gaya hidup sihat di kaca televisyen, majalah atau di radio. Gaya hidup sihat boleh dilaksanakan melalui pelbagai aspek seperti penjagaan makanan, kesihatan mental dan aktiviti fizikal. Ramai yang cakna mengenai hal ini namun mereka malas untuk memulakannya meskipun sedar gaya hidup sihat dapat menjadikan kehidupan lebih sempurna dan bermakna.

Sumber: <https://www.astroawani.com>

Jelaskan langkah-langkah yang boleh dilakukan bagi mengamalkan amalan tersebut.

3.

Stres adalah sebahagian daripada kehidupan kita sehari-hari dan boleh mempengaruhi kita melalui pelbagai cara. Stres yang berpanjangan, keterlaluan dan tiada kemampuan daya tindak, akan membuat kita marah. Perkara ini merupakan perasaan semula jadi yang ada pada diri setiap individu. Walau bagaimanapun menjadi satu cabaran untuk mengawal stres agar sentiasa berada dalam kawalan.

Sumber: <https://www.infosihat.gov.my>

Berdasarkan petikan di atas, nyatakan langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini.

4.

Industri kraf tangan merupakan satu industri yang berpotensi besar untuk meningkatkan tahap kehidupan masyarakat di desa. Kerajaan juga harus mengambil langkah dengan memperkenalkan teknologi dan reka bentuk kraf tangan yang unik. Selain itu, tindakan yang terbaik untuk memajukan industri ini adalah dengan membina lebih banyak pusat kraf tangan di desa.

Sumber: Internet

Selain saranan yang dinyatakan dalam petikan di atas, bincangkan cara-cara untuk meningkatkan ekonomi masyarakat melalui industri tersebut.

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT

NAMA : _____

KELAS : _____



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN JINJANG
JINJANG UTARA, 52000 KUALA LUMPUR



PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2023

BAHASA MELAYU

Kertas 2

2 jam 30 minit

1103/2

JANGAN BUKA KERTAS UJIAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis **nama** dan **kelas** anda pada ruang yang disediakan.
2. Kertas ujian ini mengandungi **tiga** bahagian: **Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.**
3. Jawab **semua** soalan.
4. Jawapan bagi **soalan 8** berdasarkan teks *Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
5. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang berasingan.
6. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan **Rumi** atau **Jawi.**
7. **Kertas peperiksaan** ini hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	8	
	2	6	
	3	9	
	4	6	
	5	6	
B	6	12	
	7	13	
	8	10	
C	9	30	
JUMLAH		100	

Kertas peperiksaan ini mengandungi 12 halaman bercetak termasuk muka surat hadapan

[Lihat halaman sebelah

SULIT

1103/2

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm
BM K2 Trial SMKJ KL 2023

BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan dua kata ganda dan dua kata akronim. Kemudian bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata ganda **perut** dan kata akronim tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Malaysia kaya dengan masyarakat yang berbilang kaum. Hal ini dapat dilihat di Jalan Tunku Abdul Rahman (TAR), Kuala Lumpur. Jalan tersebut menjadi tempat tumpuan berbagai-bagai lapisan masyarakat. Di sini juga terdapat gedung-gedung dan gerai-gerai pakaian kanak-kanak dan orang dewasa. Antara agensi yang terlibat dalam memajukan perniagaan ini ialah Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Tawar-menawar antara peniaga dan pembeli memeriahkan lagi suasana pada hujung minggu di bandar raya Kuala Lumpur.

(Dipetik dan diubah suai daripada
'Warna-warni Malaysia'
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 1,
Kementerian Pendidikan Malaysia
[8 markah])

- 2 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Cerakinkan ayat majmuk yang bergaris kepada ayat tunggal tanpa mengubah maksud asalnya.*

Setiap orang mempunyai pilihan kerjaya menerusi minat dan kecenderungan mereka sendiri. Kerjaya merupakan perkembangan dan kemajuan seseorang dari segi pekerjaan. Ada orang suka bekerja sendiri manakala ada orang yang lebih selesa bekerja makan gaji. Walau bagaimanapun, kedua-dua kerjaya ini memiliki keistimewaan tersendiri kerana memerlukan keikhlasan bekerja berdasarkan konsep bekerja sebagai ibadah. Demi mencapai kejayaan hidup, seseorang itu perlu berusaha untuk merealisasikannya.

(Dipetik dan diubah suai daripada
'Budi Disemai, Bakti Dituai'
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 2
Kementerian Pendidikan Malaysia
[6 markah])

- 3 *Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut.*

Bahan 1

Salah satu usaha yang mereka jalankan adalah kempen pengasingan sisa pepejal. Sisa pepejal tersebut termasuklah sisa dapur, sisa makanan, bahan kotor dan lampin buang pakai. Semua sisa pepejal yang telah diasingkan dan diletakkan di tempat yang sesuai itu akan dikutip mengikut jadual oleh pihak berkuasa setempat. Dalam seminggu, sisa kitar semula dikutip sekali. Pada minggu yang sama juga, kutipan sisa bahan akan dilakukan sebanyak dua kali. Di setengah tempat, telah diletakkan papan tanda arahan yang jelas jadual kutipan sisa pepejal tersebut. Bagi memudahkan suri rumah atau seisi keluarga, tata cara dan jadual tersebut ditampalkan pada tong sampah yang diletakkan dihadapan rumah masing-masing.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kitar Semula Amalan Mulia'
Oleh Salleh Hashim,
Dewan Siswa, Julai 2016

[6 markah]


Bahan 2




SELAMAT HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA 2021



dari warga Jabatan Meteoroloji Malaysia



Jimat penggunaan air,
elektrik dan bahan
bakar kenderaan




Kitar semula



- Fikir sebelum beli
- Pilih peralatan jimat tenaga



7 Langkah Mudah Bersama Memelihara Alam Sekitar



Hindar plastik atau bekas sekaliguna


Alam Sekitar Tanggung jawab Kita Bersama!



Kurangkan penggunaan kertas.



Menanam pokok



Gunakan sumber tenaga boleh memperbaharui

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kitar Semula Amalan Mulia'
Oleh Salleh Hashim,
Dewan Siswa, Julai 2016

[5 markah]

- 4 *Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Maka kata Awi Dicu, “Benarlah seperti kata kamu itu; marilah kita kembali sementara belum siang ini.”

Maka segala orang Siam pun kembalilah.

Adapun perigi di Batu Pahat, orang Siamlah membuat dia. Maka diikuti oleh Bendahara Paduka Raja sampai ke Singapura.

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’
dalam Antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[4 markah]

- 5 *Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan **tiga** peribahasa yang sesuai bagi petikan tersebut.*

Tinjauan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) menunjukkan peningkatan dalam penggunaan Internet, termasuklah dalam sektor perniagaan dalam talian yang tumbuh pesat sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun lepas. Dalam keghairahan menjalankan urusan jual beli sesuatu produk, sewajarnya pengguna perlu berwaspada bagi mengelak risiko penipuan pembelian dalam talian. Lebih mengejutkan lagi, taktik promosi yang dilakukan oleh peniaga menyebabkan golongan muda sukar membuat pilihan dan mudah terpedaya.

[6 markah]

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN

[35 markah]

6 Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Dalam kes ini, cara penyangak digital melakukan kerja mereka dengan begitu berani menyamar sebagai pegawai polis, pegawai mahkamah, pegawai bank atau pegawai kastam. Selain itu, mereka nekad menelefon mangsa dan membawa khabar buruk tentang keterlibatan mangsa dalam masalah perundangan atau kewangan. Penjenayah ini amat licik dan petah berkata-kata. Mereka kemudiannya tanpa segan-silu *menawarkan bantuan* untuk menyelesaikan masalah tersebut dan secara terang-terangan meminta bayaran. Namun, seandai-pandai tupai melompat, sekali akan gawal juga. Oleh itu, orang ramai perlu memainkan peranan penting apabila menerima panggilan meragukan terutamanya yang meminta bayaran tertentu.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4',
DPB 2019

Bahan 2

Kuala Lumpur: Pengarah Eksekutif Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (AIBIM) Ratna Sha'erah Kamaludin berkata, seiring perkembangan pesat teknologi, 'scammer' dikesan mempunyai pelbagai cara dalam memanipulasi dan memperdayakan orang ramai. Orang ramai perlu berwaspada dengan setiap penipuan 'scammer' yang datang dari pelbagai cara seperti menerusi panggilan telefon, menggunakan pautan e-mel atau mesej untuk menyedut maklumat pengguna dan kata laluan. Beliau mengulas mengenai masih ramai anggota masyarakat menjadi mangsa penipuan dengan terbaharu, seorang penjawat awam kerugian RM 852, 000.00 selepas terpedaya dengan taktik panggilan telefon yang menyamar sebagai pegawai insurans dan polis.

Dipetik dan diubah suai daripada
'*Harian Metro*, Selasa 30 Mei 2023',

(i) Berdasarkan **Bahan 1**, Berikan maksud rangkai kata *menawarkan bantuan*.
[2 markah]

(ii) Dengan merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, kemukakan beberapa cara yang digunakan oleh penyangak digital menipu mangsa.
[3 markah]

(iii) Jenayah digital yang menggunakan telefon bimbit semakin berleluasa dan ramai yang telah menjadi mangsa.

Pada pendapat anda, apakah perasaan mangsa penipuan digital?
[3 markah]

(iv) Ibu anda telah mengadu bahawa dia telah menerima panggilan palsu daripada pihak yang tidak bertanggungjawab. Situasi ini telah menyebabkan fikiran ibu terganggu.

Sebagai salah seorang ahli keluarga yang prihatin, nyatakan langkah-langkah yang boleh anda cadangkan kepada ibu anda agar tidak menjadi mangsa penipuan.

[4 markah]

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm

7 Baca bahan-bahan di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1**SYAIR JONG PECAH**

Berkali-kali dicuba musuh,
Negara dilanggar hendak diruntuh,
Berkat bersatu rakyat teguh,
Tetap berdaulat berdiri kukuh.

Hinggalah sampai saat yang gelap,
Entah di mana salah dan silap,
Entah siapa lalai dan lelap,
Rakyat berbalah daulat pun malap.

Jadilah kita bangsa terjajah,
Terjejas daulat tercemar maruah,
Politik rebeh ekonomi rebah,
Siang malam berhati gundah.

Kita dijajah empat kurun,
Ditambah empat puluh enam tahun,
Budaya dan ilmu setandus gurun,
Harga diri semakin turun.

Bangkit pahlawan demi pahlawan,
Berjuang merebut kemerdekaan,
Bunga bangsa gugur terkorban,
Harumnya lesap ditelan zaman.

Sampailah waktu rakyat jelata,
Berpadu erat seia sekata,
Tahan bahaya tahan derita,
Mendaulatkan kembali negara kita.

Tiga puluh tiga tahun sejak bergema,
Kita merdeka dilaung bersama,
Negara dan bangsa menempa nama,
Banyak impian telah terjelma.

Aduh mengapa kita berbalah,
Sama sendiri berpecah-pecah,
Kenyanglah yu bila jong pecah,
Hitamlah tanda dalam sejarah.

Dipetik dan diubah suai daripada
Adibah Amin, 1995,
Syair Langit di Tangan,
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bahan 2

‘Sebenarnya, saya hanyalah ingin menguji jati diri saudara berdua kerana saya fikir rakyat Malaysia kini tidak mempunyai semangat cintakan negara lagi. Saya fikir semuanya telah terkubur. Tetapi terima kasih kepada saudara berdua, saya dapat melihat kembali semangat patriotik yang sudah lama hilang itu. Semoga semua rakyat Malaysia mempunyai semangat patriotik seperti saudara berdua. Berusaha mempertahankan Malaysia berjaya mengecapi kemerdekaan.

Professor Wawy, Iqram dan Rayyan terharu mendengarkan kata-kata penggadam itu. Mereka menyambut kejayaan mereka dengan memakan Gula-gula Ajaib bersama. Sungguh manis rasanya. Bagaikan rasa apabila Malaysia berjaya mengecapi kemerdekaan.

Dan kini baru aku perasan, warna Gula-gula Ajaib yang dibuat Prof Wawy seperti Jalur Gemilang. Ada merah, putih, biru dan kuning yang bercampur antara satu sama lain.

Aku rasa manisnya, bagaikan manisnya kemerdekaan yang dikecapi. Pahitnya, bagaikan pahit pengorbanan pejuang-pejuang Melayu dahulu. Masinnya, bagaikan pembelot yang menjadi musuh dalam selimut. Dan Masamnya, bagaikan hati penjajah yang masam dan tidak berhati perut. Tawarnya, bagaikan tawar semangat patriotik rakyat Malaysia kini.

Dipetik dan diubah suai daripada,
Cerpen :Semangat Patriotik Rakyat Malaysia
Sumber : Internet

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, nyatakan pendapat penggadam tentang rakyat Malaysia.

[2 markah]

- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan kesan-kesan akibat penjajahan.

[3 markah]

- (ii) Semangat patriotik akan menunjukkan kesetiaan dan kesanggupan serta melahirkan perasaan cinta akan negara.

Pada pendapat anda, apakah punca-punca semangat patriotik dalam diri rakyat semakin luntur?

[4 markah]

- (iii) Anda melihat rakan anda tidak menghormati lagu Negaraku dan bergurau senda semasa perhimpunan pagi sedang dijalankan di sekolah anda.

Anda sebagai pengawas sekolah, apakah tindakan-tindakan anda terhadap rakan tersebut?

[4

markah]

8 Jawapan bagi soalan yang berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

(i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

"Apa yang penting, kita tidak berputus asa. Budak-budak muda ini, kadang-kadang kita perlu ikut rentak mereka juga. Kita dampingi mereka selalu dan buat macam kawan. Alhamdulillah, nampaknya dah ada yang mula tunjuk minat. Malam ni pun, ramai juga yang datang," kataku. Penduduk kampung yang datang pada malam itu beransur-ansur pulang. Beberapa orang anak muda kampungku pula sedang sibuk menyusun kerusi-kerusi yang digunakan tadi untuk disimpan di dalam stor balai raya. Beberapa orang ahli jawatankuasa pergerakan wanita juga kelihatan sibuk mengemas pentas dan pasu-pasu bunga. Sampah-sampah yang terdapat di persekitaran balai raya juga turut dikutip dan dimasukkan ke dalam plastik hitam.

Dipetik daripada novel *Silir Daksina*
karya Nizar Parman
Kementerian Pendidikan Malaysia

Apakah perkara-perkara yang dilakukan oleh penduduk kampung setelah selesai majlis?

[4 markah]

(iv) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- Di Sebalik Dinara karya Dayang Nor
- Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- Tirani karya Beb Sabariah
- Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan **dua buah** novel yang anda kaji, huraikan **situasi** yang menimbulkan permasalahan dalam kalangan masyarakat.

[6 markah]

BAHAGIAN C : RUMUSAN
[30 markah]

kebutuhan rentas
waktu
keseron

- 9 *Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Bahan 1

Dewasa ini, masyarakat kurang melibatkan diri dalam sukan lasak. Mantan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said menegaskan supaya sukan lasak dimartabatkan di sekolah bagi menyediakan atlet dalam bidang sukan lasak yang boleh mewakili negara. Malah, Kementerian Belia dan Sukan juga perlu menyediakan pelbagai kemudahan di peringkat sekolah dan meneruskan latihan intensif agar murid-murid boleh mewakili negara dalam acara yang dipilih.


Sukan lasak sememangnya dapat menguji ketahanan mental dan fizikal diri. Aktiviti mendaki gunung misalnya, bukan sahaja dapat menguatkan otot, malah menguji tahap mental individu sebelum berjaya tiba di puncak. Gabungan kedua-dua elemen, iaitu kecerdasan minda dan kecergasan tubuh, sangat mustahak bagi seseorang melibatkan diri dalam aktiviti seumpama ini. Selain itu, seseorang penggiat sukan lasak dapat membentuk individu yang mempunyai kesabaran diri untuk menghadapi cabaran. Sebagai contoh, pendaki gunung yang berdepan dengan halangan dalam pendakiannya mestilah bersabar supaya dapat memikirkan cara untuk mengatasi halangan tersebut. Sukan lasak juga dapat memupuk semangat berpasukan. Tanpa nilai tersebut, pastinya sesuatu rancangan itu akan menemui kegagalan.

Melibatkan diri dalam aktiviti sukan lasak seperti aktiviti memanjat tembok dapat meningkatkan keyakinan diri seseorang. Bukan semua orang mampu melawan perasaan takut apabila berada pada situasi yang mencabar sedemikian rupa. Namun demikian, berkat latihan dan usaha yang berterusan, semua hal itu dapat dilakukan dengan baiknya, bak kata peribahasa alah bisa tegal biasa. Selain itu, aktiviti sukan lasak menjadikan individu berani menghadapi cabaran kerana sukan ini penuh dengan risiko dan bahaya, hanya mereka yang cekal sahaja yang mampu menyahut cabaran tersebut. Aktiviti sebegini menjanjikan cabaran yang bukan calang-calang untuk semua orang. Disebabkan minat, semua cabaran itu dapat diatasi dengan mudahnya, bak kata pepatah membujur lalu melintang patah.

Sukan lasak perlu dipertandingkan di peringkat daerah dan kebangsaan supaya kita dapat memartabatkan sukan ini. Sesungguhnya, bakat anak-anak boleh diasah walaupun tidak menunjukkan kecemerlangan pada peringkat awal, bak kata peribahasa, belakang parang kalau diasah lagikan tajam.

Dipetik dan diubah suai daripada
"Aktiviti Sukan Lasak" Oleh Siti Solehah Md Samin,
Dewan Siswa 17 Mac 2016

Bahan 2



Bahan 3

Sukan

Jujur pada diri sendiri
 Jujur pada undang-undang yang diberi
 Kerana kejujuran mengelakkan kebencian
 Kerana kejujuran menunjuk sifat kehormatan
 Jujurlah dalam bersukan
 Agar tersemai keikhlasan bersukan

Gigih mencapai kejayaan
 Gigih menghadiri kelas latihan
 Kerana kegigihan mendorong kami ke arah kejayaan
 Kerana kegigihan mengajar makna kesabaran
 Gigihlah dalam bersukan
 Agar tersemai rasa kebahagiaan

Shafiqah Mahmood, 2014

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm
 BM K2 2023

KERTAS SOALAN TAMAT